

**GARIS PANDUAN PERANAN PENYELIA DAN PELAJAR BAGI
PEPERIKSAAN LISAN VIVA-VOCE
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
GUIDELINES ROLES OF SUPERVISOR AND STUDENT FOR VIVA-VOCE
EXAMINATION
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Garis panduan ini merupakan tambahan kepada peranan penyelia dan pelajar bagi peperiksaan lisan viva-voce. Ia perlu dibaca bersama dengan Panduan Pelaksanaan Program Penyelidikan (Kriteria Pemeriksa) (P4-3.2016).

This is an additional guideline to the role of supervisor and student before the viva-voce examination. It should be read together with the Research Program Order Guide (Examiner Criteria) (P4-3.2016)

**A. Peranan Penyelia
Role of Supervisor**

***Pra-Sesi Peperiksaan Lisan Viva-Voce
Pre-Viva-voce Examination Session***

- i. Penyelia perlu memastikan agar pelajar tidak menghubungi panel pemeriksa sebelum peperiksaan lisan viva-voce diadakan
The Supervisor should ensure that the student shall not contact the panel of examiners before the viva-voce examination.
- ii. Penyelia utama diberikan keutamaan bagi menghadiri sesi peperiksaan lisan viva-voce pelajar masing-masing
Priority shall be given to the Main supervisor to attend the viva-voce examination of the respective student.
- iii. Penyelia utama perlu mewakili kepada penyelia bersama atau wakil fakulti bagi menghadiri sesi peperiksaan lisan viva-voce pelajar sekiranya terdapat kekangan atau masalah yang tidak dapat dielakkan
The Main supervisor should assign the co-supervisor or representative from the faculty to present on behalf of the viva-voce session if he or she has any other urgent matters to attend.

***Semasa Sesi Peperiksaan Lisan Viva-Voce
The Actual Viva-voce Examination Session***

- i. Penyelia tidak boleh menjawab soalan yang diberikan kepada pelajar ketika dalam sesi soal jawab
The Supervisor shall not answer any questions on behalf of the student during the Q&A session
- ii. Penyelia hanya boleh memberikan penjelasan sekiranya diminta oleh pengerusi dan panel pemeriksa

The Supervisor shall only provide the required information should he/she be required to do so.

- iii. Penyelia perlu akur dan menerima keputusan peperiksaan lisan viva-voce yang diumumkan oleh pengerusi
The Supervisor should abide by and accept the verdict of the viva-voce examination which had been decided by the examiners and announced by the chairman of the session
- iv. Penyelia perlu mengambil maklum terhadap keputusan dan pembetulan yang perlu dilakukan oleh pelajar
The Supervisor needs to take note of the decisions and corrections that the student need to amend.

***Pasca Sesi Peperiksaan Lisan Viva-Voce
Post Viva-voce Examination Session***

- i. Penyelia perlu menyemak agar penambahbaikan tesis yang dilakukan oleh pelajar mengikuti cadangan dan komen yang diberikan oleh panel pemeriksa dalam tempoh pembetulan tesis yang ditetapkan
The Supervisor should review the correction of the thesis, taking into account the comments and suggestions raised during the viva-voce.
- ii. Penyelia perlu memastikan agar tesis yang telah ditambahbaik dalam tempoh semakan pembetulan tesis yang diberikan
The Supervisor should ensure that the thesis's corrections are made within the stipulated time given.
- iii. Tesis yang telah ditambahbaik perlu diserahkan oleh pelajar ke Pusat Pengajian Siswazah
The corrected thesis must be submitted by the student to the Centre for Graduate Studies.
- iv. Penyelia perlu memastikan agar pelajar tidak menghubungi panel pemeriksa dalam tempoh semakan pembetulan tesis dilakukan kecuali memperoleh persetujuan sewaktu sesi peperiksaan lisan viva- voce.
The Supervisor should ensure that the student shall not contact the panel of examiners during the thesis correction review period unless consent is obtained during the viva-voce examination session

B. Peranan Pelajar
Role of Student

Pra-Sesi Peperiksaan Lisan Viva-Voce
Pre-Viva-voce Examination Session

- i. Pelajar perlu menghadiri sesi peperiksaan lisan viva-voce pada tarikh yang telah ditetapkan
Student are required to attend the viva-voce examination session on the pre-arranged date and time.
- ii. Pelajar tidak dibenarkan menghubungi panel pemeriksa sebelum peperiksaan lisan viva-voce diadakan
The Student shall not contact the panel of examiners before the commencement of viva-voce examination.
- iii. Pelajar perlu berpakaian kemas dan sopan semasa menghadiri sesi peperiksaan lisan viva voce
The Student should wear formal and proper attire while attending the viva-voce examination session.
- iv. Pelajar perlu membuat persediaan awal sebelum peperiksaan lisan viva-voce diadakan
The Student should be well-prepared before the commencement of the viva-voce examination

Semasa Sesi Peperiksaan Lisan Viva-Voce
The Actual Viva-voce Examination Session

- i. Pelajar perlu membuat pembentangan berkenaan tesis dan hasil kerja dalam tempoh lebih kurang 30 minit pada awal sesi peperiksaan lisan viva-voce
The Student shall be given 30 minutes at the start of the viva-voce examination session to present his/her research and findings.
- ii. Pelajar perlu menjawab serta mengemukakan hujah kepada persoalan yang diutarakan oleh panel pemeriksa dengan baik
The Student should answer and deliver a good argument to the questions given by the panel of examiners.
- iii. Pelajar boleh memohon untuk mengulangi persoalan yang diberikan sekiranya tidak jelas
The Student shall be allowed to request the examiner to rephrase the question if necessary.
- iv. Pelajar perlu akur dan menerima keputusan peperiksaan lisan viva-voce yang diumumkan oleh pengerusi
The Student should abide by and accept the verdict of the viva-voce examination announced by the chairman.

Pasca Sesi Peperiksaan Lisan Viva-Voce
Post Viva-Voce Examination Session

- i. Pelajar perlu membuat pembetulan dan menambahbaik tesis seperti yang dicadangkan oleh panel pemeriksa seperti dinyatakan dalam laporan pemeriksa dan salinan tesis pemeriksa dalam tempoh yang ditetapkan
The Student should make the necessary amendment and corrections to the thesis as recommended by the panels of examiners as stated in the examiner's report and the examiner's thesis copy within the stipulated time.
- ii. Pelajar perlu mendapatkan persetujuan penyelia terhadap setiap pembetulan yang disediakan
The Student should get consent from the supervisor on the corrected thesis.
- iii. Pelajar tidak dibenarkan menghubungi panel pemeriksa sewaktu semakan pembetulan tesis dilakukan kecuali memperolehi persetujuan sewaktu sesi peperiksaan lisan viva- voce.
The Student shall not contact the panel of examiners during the correction period except obtaining the consent during the viva-voce session
- iv. Pelajar perlu memastikan penghantaran tesis yang telah diperbetulkan tidak melangkaui tempoh pembetulan yang ditetapkan ke Pusat Pengajian Siswazah
The Student should abide by the stipulation thesis correction period, and the corrected thesis should be submitted to the Centre for Graduate Studies within the stipulated time.
- v. Pelajar boleh memohon pelanjutan tempoh pembetulan tesis (sekiranya perlu) kepada Pusat Pengajian Siswazah dengan sokongan penyelia dan fakulti selewat-lewatnya **DUA (2) minggu** sebelum tamat tempoh pembetulan tesis
*Students are allowed to apply for an extension of the thesis correction period (if necessary) to the Centre for Graduate Studies with the recommendation of the supervisor and faculty no later than **TWO (2) weeks** before the dateline of the thesis correction period*